

ISLAM DALAM PETA POLITIK DUNIA: SATU ANALISIS SEJARAH DAN PERADABAN

Che Bakar Che Mat^{1,a}

¹ACIS UiTM KELANTAN

^achebakar@kelantan.uitm.edu.my, chekar65@gmail.com

Kata kunci: Islam, peta politik dunia, sejarah dan peradaban

Abstrak. Islam muncul di Tanah Arab pada awal kurun ketujuh masihi. Bermula dengan wahyu pertama yang diterima, Rasulullah s.a.w menjalankan dakwah tanpa penat lelah. Sejak dari itu Islam mula berkembang walaupun terpaksa berdepan dengan berbagai halangan dan ancaman dari kuasa-kuasa besar ketika itu. Berkat usaha dan kesungguhan Rasulullah S.A.W. dan para sahabat, Islam yang bermula di Mekah, telah berkembang ke Madinah hingga mewujudkan negara Islam pertama di dunia. Selepas kewafatan Rasullulah S.A.W. panji-panji Islam diteruskan oleh para sahabat dan juga tabiin. Sistem pemerintahan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W diteruskan oleh Khulafa al-Rashidin, Kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah, Kerajaan Andalus, Kerajaan Fatimiyah dan kerajaan Uthmaniyyah Turki. Pemerintahan Islam yang bertali arus ini telah memberikan sumbangan yang besar terhadap tamadun-tamadun lain yang telah lama wujud sebelum Islam. Sejarah menunjukkan bahawa tamadun Islam telah berinteraksi secara harmoni dengan tamadun-tamadun lain seperti Tamadun India, Tamadun China dan juga Eropah dalam satu jangkamasa yang panjang sebelum kemunculan zaman Renaissance. Kertas ini membincangkan bagaimana pengaruh Islam dan sumbangannya yang terlalu besar terhadap tamadun dunia. Selain dari itu perbincangan juga memberi fokus terhadap potensi Islam untuk kembali di persada dunia dalam abad ke 21.

Pendahuluan

Islam mula muncul di Tanah Arab pada awal kurun ke tujuh Masihi. Kemunculan Islam bermula apabila Rasulullah S.A.W menerima wahyu pertama dalam bulan Ramadhan tahun 610 masihi. Bermula dari peristiwa tersebut maka nabi S.A.W memulakan kerja-kerja dakwah tanpa henti. Berbagai teknik dan pendekatan telah digunakan oleh Rasulullah S.A.W walaupun terpaksa berhadapan dengan berbagai ujian dan halangan. Misi kerasulan nabi S.A.W berjalan selama 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Dalam masa 23 tahun ini berterusanlah proses penurunan wahyu sehinggalah ajaran Islam menjadi sempurna dan menyeluruh (kamil dan syamil). Rasulullah S.A.W telah meletakkan prinsip-prinsip dan dasar yang kukuh untuk dijadikan panduan oleh jenerasi selepasnya bagi menjalani kehidupan yang sejahtera sama ada dalam bentuk individu, keluarga, masyarakat dan negara. Selepas kewafatan nabi S.A.W, maka dasar-dasar inilah yang menjadi ikutan bagi umat Islam sehingga muncul sebagai satu kuasa besar dalam politik disamping memberi sumbangan yang besar terhadap peradaban manusia.

Perkembangan pengaruh Islam

Perkembangan pengaruh Islam boleh dibahagikan kepada beberapa tahap mengikut kronologi sejarah:

Pertama ; Zaman Rasulullah (610-632M)
Zaman Khulafa al-Rashidin (632-661M)
Zaman Bani Umayyah (661-750M)
Zaman Bani Abbasiyyah (750-1258M)
Zaman Kerajaan Andalus (711-1492M)
Zaman Kerajaan Turki Uthmaniyah (1299-1924M)

Zaman Rasulullah. Merupakan zaman yang paling penting untuk dianalisa dan difahami. Segala nya bersifat wahyu. Allah tahu keperluan makhluk ciptaanNya. Segala yang berlaku di zaman ini merupakan perancangan Allah. Allahlah yang mencipta, mengatur, menentu, dan membuat percaturan terhadap perjalanan hidup nabi S.A.W bermula dari kelahiran, perkembangan hidup, kerasulan, hinggalah kewafatan baginda nabi S.A.W.

Zaman nabi S.A.W. bermula apabila baginda menerima wahyu pertama di Gua Hira’ pada tahun 610 M ketika usia baginda 40 tahun. Wahyu pertama yang diterima adalah surah Iqra. Proses penurunan wahyu berlanjutan selama 23 tahun dari tahun 610M hingga tahun 632M. Zaman Rasulullah S.A.W boleh dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap Mekah dan tahap Madinah. Tahap Mekah iaitu bermula dari saat ketika wahyu pertama yang diturunkan hingga kepada berlakunya peristiwa hijrah Nabi S.A.W ke Madinah iaitu pada tahun 623M. Wahyu yang diturunkan pada kedua- dua tahap ini mempunyai pendekatan yang berbeza mengikut kesesuaian persekitaran dan kemampuan masyarakat pada masa tersebut.

Tahap pertama: Zaman Mekah (610 -623M)
Tahap ini merupakan tahap pertama proses penurunan wahyu. Ayat-ayat yang diturunkan pada zaman Mekah lebih menekankan konsep keimanan dan pembentukan aqidah Islam, konsep akhlak dan konsep persaudaraan Islam. Surah-surah yang diturunkan pada tahap ini dinamakan “Surah Makkiyyah” iaitu yang diturunkan sebelum berlakunya peristiwa hijrah nabi S.A.W ke Madinah. Era Mekah merupakan tahap yang penuh dengan kesukaran dan penindasan. Hari-hari yang dilalui penuh dengan tekanan dan penderitaan. Keadaan ini berterusan selama 13 tahun. Apa yang boleh okum kekuatan dan jatidiri kepada para sahabat ketika itu hanyalah JANJI SYURGA. Janji syurga menjadi tonik yang mujarab bagi jenerasi pertama sahabat, sebenarnya masih “valid” sehingga kini. Malangnya jenerasi kini tidak terkesan dengan janji-janji Allah tersebut. Jenerasi pertama adalah jenerasi yang dididik secara langsung oleh nabi S.A.W. Jenerasi pertama Islam merupakan jenerasi yang terbaik dalam sejarah Islam.

Tahap kedua: Zaman Madinah (623-633M)
Era Madinah merupakan tahap kedua kerasulan nabi S.A.W. Ia bermula setelah berlakunya penghijrahan nabi dari Kota Mekah ke Madinah. Rasulullah S.A.W berasal dari Mekah, namun terpaksa berpindah ke Madinah apabila diusir oleh masyarakat Jahiliah Mekah pada masa itu melalui satu pakatan sulit untuk membunuh baginda nabi S.A.W.

Suasana kehidupan di zaman Madinah agak berbeza berbanding zaman Mekah. Keadaan hidup di Madinah lebih selesa berbanding keadaan di Mekah. Kedatangan nabi S.A.W serta para sahabat di Madinah di sambut baik oleh penduduk Madinah. Berbeza keadaannya semasa di Mekah, di mana para penguasa serta massa penduduknya yang amat memusuhi dakwah dan ajaran yang dibawa oleh baginda nabi S.A.W.

Setibanya nabi S.A.W di Madinah, terdapat tiga perkara yang dibuat oleh baginda nabi S.A.W iaitu mendirikan masjid, mempersaudarakan antara golongan ansar dan muhajirin, serta mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dalam kalangan penduduk madinah iaitu antara penduduk Islam dan penduduk pri bumi Madinah yang terdiri dari pelbagai kabilah (multi ethnic). Persefahaman ini kemudiannya dikenali sebagai Piagam Madinah (Medina Constitution) atau Dustur Madinah. Dengan termeterainya Piagam Madinah maka wujudlah sebuah okum yang mempunyai okum-ciri yang diikuti oleh okum moden hingga hari ini.

Walaupun suasana di Madinah agak selesa berbanding dengan Mekah namun di era inilah mula turunnya ayat-ayat yang berkaitan dengan kewajipan berjihad di jalan Allah. Siri-siri peperangan di dalam Islam bermula dalam era Madinah. Bermula dengan perang Badar, Uhud, Khandak dan lain-lain lagi siri peperangan yang dilalui oleh Rasulullah dan para sahabat.

Ayat-ayat al-Quran yang turun di zaman Madinah dinamakan sebagai Ayat Madaniyyah. Syariat yang diturunkan pada zaman Madinah ini lebih menjurus kepada asas-asas penyusunan masyarakat dan okum, hubungan antara okum Islam dan bukan Islam, sistem ekonomi, politik dan sosial. Ayat-ayat berkaitan dengan perlaksanaan okum Hudud, Qisos dan Takzir juga diturunkan di era Madinah.

Zaman Khulafa al-Rashidin (632 – 661M). Zaman khulafa’ Rashidin bermula selepas kewafatan nabi S.A.W. Pada zaman ini kepimpinan Islam dipegang oleh 4 orang sahabat nabi iaitu Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman dan Saidina Ali Karramallahu Wajhah. Secara umumnya zaman ini merupakan zaman penerusan terhadap segala dasar-dasar yang telah ditinggalkan oleh nabi S.A.W.. Perjalanan pentadbiran Negara berlandaskan syariat yang telah digariskan oleh nabi S.A.W..

Sungguhpun demikian terdapat banyak pembaharuan-pembaharuan yang dibuat oleh khulafa’ Rashidin. Antaranya pengumpulan hadis dan juga pengumpulan dan penyusunan al-Quran. Di zaman Saidina Abu Bakar dimulakan usaha pengumpulan al-Quran. Usaha ini diteruskan di zamana Saidina Umar al-Khattab. Manakala di zaman Saidina Uthman bin ‘Affan al-Quran telah dibukukan dan bacaannya juga telah diselaraskan dengan apa yang kita kenali sehingga kini sebagai mashaf Uthmani.

Di zaman Saidina Umar, berbagai pembaharuan telah dibuat bagi mengemaskinikan lagi pentadbiran Negara. Pembaharuan perlu dilaksanakan memandangkan Negara Islam semakin luas. Saidina Umar telah mewujudkan berbagai pembaharuan bagi memantapkan lagi pengurusan Negara. Selepas kewafatan Saidina Umar jawatan amirul mukminin disandang oleh Saidina Uthman bin Affan dan kemudiannya Saidina Ali ibn Abi Talib sebagai khalifah yang terakhir. Zaman Khulafa al-Rashidin berakhir pada tahun 40 hijrah bersamaan tahun 661 Masihi.

Antara pembaharuan yang dibuat dizaman khulafa Rasyidin adalah:

- Pengumpulan dan pembukuan al-Quran
- Transformasi dalam pentadbiran negara
- Sistem pentadbiran – pengasingan kuasa: diwujudkan Diwan dan Wizarah

- Sistem ekonomi – penubuhan Baitul Mal
- Penubuhan Armada laut
- Pentadbiran tanah – menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru
- Penetapan taqwim Islam-berasaskan tahun hijrah
- Menjadikan pengurusan Baitul Mal semakin lancar
- Mewujudkan institusi ketenteraan
- Memperluaskan kekuasaan politik Islam sehingga berjaya menguasai Afrika, Cyprus, Andalusia dan lain lain daerah (Abu Ahmad Muawiyah, 2012)

Zaman Kerajaan Bani Umaiyah (41 -120 H / 661 – 750M). Kerajaan Bani Umaiyyah menggantikan zaman Khulafa’ al-Rashidin. Kerajaan ini diasaskan oleh Muawiyah in Abi Sufyan selepas menggantikan Saidina Ali bin Abi Talib . Terdapat 12 khalifah yang memegang jawatan sepanjang pemerintahan Bani Umaiyah. Di zaman ini bermulalah sistem monarki iaitu jawatan khalifah diwarisi secara turun temurun. Terdapat pencapaian dan pembaharuan yang dilakukan dizaman kerajaan ani Umaiyyah. Kerajaan Bani Umayyah menjalankan dasar perluasan wilayah, yang menjadikan wilayah Islam bertambah luas. Pusat pemerintahan Bani Umaiyah adalah di Damsyik. Kerajaan ini mencapai puncaknya semasa pemerintahan khalifah Abd Malik bin Marwan yang memerintah dari tahun 685 – 705M. Pada masa tersebut wilayah kekuasaan Islam terbentang luas mencakupi Eropah, Asia Tengah dan India.(Ahmad Zaki Abd Latif et.al, 2015)

Zaman kerajaan Bani Abbasiyyah (750 – 1258). Zaman Bani Abbasiyyah bermula apabila Abu Abbas As Saffah memegang jawatan sebagai khalifah menggantikan Bani Umayyah. Zaman Bani Abasiyyah terkenal dengan pencapaian yang tinggi dalam bidang keilmuan. Lahirnya ramai tokoh-tokoh ilmunan yang menguasai berbagai bidang keilmuan mencakupi bidang agama dan juga bidang sains dan teknologi. Para ulama yang menguasai ilmu agama dengan mantap telah menerokai berbagai bidang ilmu seiring dengan anjuran al-Quran dan as-Sunah (Ahmad Baharuddin Abdullah, 2004).

Penguasaan bidang matematik, algebra, arithmatik hinggalah bidang astronomi. bertujuan bagi memastikan mereka dapat menyempurnakan segala perintah agama seperti solat, puasa, zakat haji, pusaka dan lain-lain(Azam Hamzah, 1990). Para ulamak juga menguasai bidang sains dan teknologi bagi melestarikan kehidupan masyarakat dalam kehidupan dunia dan agama (Azizan Baharudin, 1986). Penerokaan bidang perubatan dan kesihatan juga dipelopori oleh para ulamak berdasarkan panduan yang telah ditinggalkan oleh baginda nabi saw. Dari situ timbullah bidang perubatan, farmasi, farmakologi dan berbagai ilmu yang berkaitan dengan kesihatan manusia dan juga persekitaran (environmental health) (Azam Hamzah, 1990).

Begitu juga dalam bidang falsafah dan muzik. Para ulamak bukan sahaja menghasilkan senikata yang indah, tetapi mereka juga yang mencipta alatan-alatan muzik. Tujuannya adalah sebagai terapi minda dan juga untuk menimbulkan suasana yang mengasyikkan ketika mengalunkan zikir-zikir kepada Allah. Malangnya muzik masa kini telah disalahgunakankan mengikut perspektif orang-orang yang tidak jinak hati mereka dengan Allah. Zaman kerajaan Abasiyyah berakhir pada tahun 1258M apabila diserang oleh tentera Tartar Monggol

Zaman Kerajaan Turki Uthmaniyah (1299-1924M). Ditubuhkan pada tahun 1299. Merupakan kerajaan yang melaksanakan dasar perluasaan wilayah. Sebab itulah disebutkan juga sebagai empayar Uthmaniyah Turki.

Kerajaan Turki mula meluaskan pengaruhnya ke bahagian utara dengan menguasai Negara-negara Balkan dan semenanjung Caucasus. Antara tahun-tahun 1300 hinggalah awal tahun 1520an sebahagian besar negara-negara di Eropah berada dibawah pengaruh kerajaan Uthmaniyah seperti Bosnia, Serbia, Herzrgovina, Croatia, Slovakia, Macedonia, Bulgaria, Romania, Hungary dan lain-lain.. Tentera Uthmaniyah Turki juga Berjaya menewaskan tenteraSalib dari Perancis, Jerman dan British dalam peperangan di Nicopolis (Wan Kamal Mujaini 2002).

Kemenangan besar kuasa Uthmaniyah Turki apabila mereka Berjaya menguasai Constantinapol yang menjadi pusat pemerintahan Byzantine Timur pada tahun 1453 dibawah pimpinan Sultah Muhammad Fatih. Kemenangan kerajaan Uthmaniyah menguasai negeri di Eropah menjadikan berlakunya pertambahan bilangan umat Islam secara mendadak di Eropah. Tidak hairan bagaimana boleh wujudnya umat Islam ditengah-tengah masyarakat Kristian Orthodox di Eropah. Empayar Uthmaniyah bertahan selama kira-kira enam ratus tahun dan berakhir pada tahun 1924 selepas perang dunia pertama (C.E Bosworth et.al, 1995)

Zaman Kerajaan Andalusia (711-1492M). Kerajaan Andalusia bermula apabila Panglima Tariq bin Ziyad bersama tenteranya memasuki semenanjung Iberia atau tanah Vandal pada tahun 92H /711 M. Selepas kemasukan mereka melalui Jabal Tariq (Gibraltar), Andalus muncul menjadi negeri paling makmur.Pasukan Islam tidak hanya berhenti di Sepanyol, malah terus memperbesarkan empayar ke negara sekitar seperti Perancis.Kota Carcassone, Nimes, Bordeaux, Lyon, Poitou dan Tours.Mereka bukan hanya beragama Islam, namun amat mempraktikkan kehidupan secara Islam.Mereka tidak hanya membaca al-Quran, malah bertingkah laku berdasarkan Al-Quran.Suasana sedemikian berlangsung hampir

enam abad.Pemimpin Islam ketika itu cukup berwibawa dan digeruni.Abdul Rahman al-Dakhil sebagai contoh, adalah individu yang menyambung Kerajaan Bani Umayyah di Andalus setelah Umayyah di pusat iaitu di Damsyik telah jatuh Selama hampir 800 tahun berada dibawah pemerintahan Islam, Andalus menjadi sumber peradaban kepada Eropah. Sebagai negara yang bertamadun tinggi, kemajuan dicapai oleh umat Islam Andalus dalam bidang seni, sastera dan sains tiada bandingannya di benua Eropah.Kemajuan yang dicapai oleh Andalus telah menarik ramai pelajar daripada Perancis, Jerman dan England untuk menuntut ilmu pengetahuan yang hanya terdapat diwilayah pemerintahan kerajaan Islam. Perkembangan yang pesat telah berlaku terutamanya semasa pemerintahan Abdul Rahman al-Nasir (912-961 Masihi) dan penggantinya iaitu al-Hakam yang juga merupakan seorang sarjana biologi, falsafah dan ilmu-ilmu hukum.

Selama 8 abad (92-897H-711-1492M) orang-orang Islam menjadi perintis dan pelopor tamadun yang tersendiri di Andalus. Didorong oleh semangat cintakan ilmu, maka sarjana-sarjana Muslim mendaki setiap ketinggian intelektual dan mengatasi setiap halangan fizikal sehingga orang-orang Islam berjaya memberi sinar dan kemajuan kepada masyarakat Eropah yang ketika itu masih berada dalam kemiskinan dan kemerosotan baik dari sudut material mahupun spiritual.

Tradisi mengkaji dengan bebas disamping menghargai fikiran manusia merupakan kejayaan paling bermakna dalam kehidupan intelektual orang-orang Islam. Lantaran itu, kita dapati bumi Andalus ketika itu dipenuhi dengan institusi-institusi pengetahuan yang memperdebatkan idea-idea tanpa halangan dan mencari ilmu pengetahuan sebagai satu ibadah. Orang-orang Islam menjadi pemimpin dan guru dalam semua daya kreativiti dan aktiviti yang dilakukan sehingga Andalus menjadi simbol kekuatan dan keagungan Islam dan dianggap sebagai “The Torch of Europe”.Islam menerangi umi Eropah selama lapan abad sehinggalah kejatuhannya pada tahun 1492M.

Hubungan kekuasaan Islam dengan kuasa-kuasa besar dunia

Apabila kita soroti sejarah maka jelaslah pada kita bahawa kekuasaan Islam telah berinteraksi dengan kuasa-kuasa lain sejak awal kedatangan Islam. Islam telah berinteraksi dengan kerajaan China sejak zaman Khulafa al-Rashidin iaitu ketika zaman Saidina Uthman bin ‘Affan. Bahkan Islam juga dikatakan telah sampai ke China seawall abad ketujuh (Ann Wan Seng, 2007). Islam telah memberi sumbangan besar dalam Tamadun China apabila ramai intelektual Islam dibawa masuk ke China dalam zaman Dinasti Yuan. Keadaan ini berterusan hinggalah kepada zaman Dinasti Ming dengan wujudnya hubungan perdagangan dan eksplorasi yang dipimpin oleh Laksmana Cheng Ho yang beragama Islam.(Ong Hean Tat, 2008)

Permulaan Islam dalam tamdun India apabila Muhamad bin al-Qasim membuka wilayah Sind pada abad ketujuh masihi. Bermula dari tarikh tersebut hinggalah kedatangan penjajah Eropah pada tahun 1700M, kira-kira selama seribu tahun, kebanyakan wilayah India berada di bawah kekuasaan Islam. Kesinambungan kerajaan Islam silih berganti seperti Dinasti Subaktigin, Kerjaan Ghor, Kerajaan Khilji dan yang terakhir sekali kerajaan Mughal, telah merubah suasana kehidupan masyarakat India menjadi lebih maju. Kerajaan Islam telah memberi impak yang besar terhadap aspek politik, sosial, bahasa, budaya, kesusasteraan, intelektual dan kesenian masyarakat India (Mashitah Sulaiman dan Adibah Sulaiman, 2016).

Hubungan antara kerajaan Islam dengan kuasa Barat pula boleh dilihat dengan sumbangan yang besar kerajaan Andalusia di zaman keagungannya. Ramai pelajar-pelajar dari Negara-negara Barat telah datang untuk mendapatkan ilmu-ilmu yang dipelopori oleh para ulamak Islam dalam berbagai bidang (Azam Hamzah, 1990). Di zaman keagongan Islam kerajaan Andalus telah mencapai keagongan dalam banyak bidang termasuklah bidang sejarah,geografi, perdagangan,pertanian, senibina, Falsafah, sains tabi’i dan lain-lain Boleh dikatakan bahawa kerajaan Andalusia telah memberi pengarh yang besar terhadap kemajuan penduduk-penduduk di Eropah (Azizan Baharudin, 1986).

Adapun bagi Negara-negara Eropah timur pula, mereka lebih terperangaruh dengan dominasi Empayar Turki Uthmaniyah (Wan Kamal Mujani, 2002). Empayar Turki juga mempunyai sistem pemerintahan yang baik yang mampu bertahan selama enam ratus tahun. Kerajaan Uthmaniyah memiliki sistem pendidikan yang teratur, rakyat diwajibkan untuk mendapat pendidikan sejak dari awal. Berbagai bidang pendidikan disediakan oleh kerajaan seperti bidang sastera, bidang teknologi, bidang perubatan dan lain-lain. Kerajaan Uthmaniyah juga memberi penekanan terhadap aktiviti penterjemahan dan penerbitan.

Malangnya kecemerlangan Islam terhadap dunia mula dinafikan selepas berlakunya era Renaissance atau kebangkitan semula Eropah. Pada hakikatnya ketika Tamadun Islam sedang berada di mercu kegemilangan, tamadun Eropah berada dalam zaman kegelapan (Azizan Baharudin, 1986).

Analisa kebangkitan Islam dalam arus global

Kekuasaan dan sumbangan besar Islam cuba ditutup apabila kuasa politik Islam mula luntur setelah berabad-abad memberi sumbangan terhadap peradaban dunia. Dalam masa yang sama kuasa Eropah mula menunjukkan taringnya. Kebangkitan

kuasa Eropah dikenali sebagai zaman Renaissance. (Fairuzah Basri, 2008). Kuasa-kuasa Eropah mula menjelajah dan menjajah tanah air umat Islam. Satu persatu kerajaan Islam jatuh ke tangan kuasa Barat sama ada di bumi Afrika, Timur Tengah, benua kecil India dan juga kawasan Nusantara. Zaman penjajahan Barat di Nusantara bermula dengan kedatangan Portugis pada tahun 1511 iaitu awal abad keenambelas.. Senario itu berterusan dengan kedatangan Belanda, Perancis dan juga British. Zaman penjajahan berakhir pada pertengahan abad ke dua puluh apabila pihak penjajah tidak berasa selamat berada di Negara umat Islam kerana gelombang kebangkitan umat Islam untuk membebaskan tanah air dari belenggu penjajahan tidak dapat dibendung oleh kuasa penjajah. Penjajah tidak mampu mengekang semangat anti penjajah yang dipelopori oleh para ulamak yang mendapat sokongn padu umat Islam seluruh dunia. Pada era pertengahan abad kedua puluh boleh dikatakan semua Negara umat Islam telah Berjaya membebaskan diri dari belenggu penjajahan.

Potensi Islam kembali menjadi kuasa dominan

Walaupun kini dominasi Barat masih berterusan dan Timur masih belum mampu untuk menyaingi barat, namun Islam mempunyai potensi besar untuk menyaingi kuasa besar dunia. Beberapa elemen yang dimiliki oleh Asia dan juga Islam yang perlu diperkasakan bagi mengembalikan semula keagungan sejarah silam.

1. Nostalgia yang perlu diterokai

Hubungan telah lama wujud antara Tamadun China, India dan Arab sejak awal abad masihi. Hubungan terjalin melalui aktiviti perdagangan yang memberi keuntungan pada semua pihak. Hubungan harmoni yang terjalin ini menjadi semakin kukuh apabila wujudnya kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara terutamanya kerajaan Melayu Melaka. Pelabuhan Melaka menjadi hub dalam mengaendalikn barangan yang terdapat di pelusuk Nusantara.

Islam mempunyai huungan rapat dengan China terutamanya di zaman Dinasti Tung, Yuan dan Dinasti Ming (Ann Wann Seng, 2008). Ramai dari Maharaja dalam Dinasti Ming beragama Islam. Kemasyhuran dinasti ini apabila maharaja menghantar beberapa delegasi melalui lautan selatan yang diketuai oleh Laksamana Zheng He atau Cheng Ho yang berpegang kuat dengan ajaran Islam. Zheng He telah mengetuai tujuh siri penjelajahan antara tahun-tahun 1405-1433 (Tan Ta Seng, 2005)

2. Bilangan penduduk yang ramai

India dan China mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Ini ditambahkan lagi dengan Negara-negara umat Islam yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan geografi yang luas. Semua ini merupakan aset yang besar yang dimiliki oleh Asia. Bilangan penduduk yang ramai sangat penting bagi mendapatkan kos buruh dengan harga yang sederhana. Selain dari itu bilangan yang ramai juga penting bagi pemasaran segala barangan yang dihasilkan.

3. Teknologi yang canggih

Asia memiliki teknologi yang canggih berbanding rantau lain di dunia. China Jepun dan Korea adalah antara negara yang mempunyai teknologi tinggi terutama dalam bidang kejuruteraan elektrik dan permotoran. Kenderaan-kenderaan utama yang menyusuri jalan di seluruh pelusuk dunia adalah jenama dari Jepun dan Korea. Begitu juga barangan elektrik yang berjenama, hampir semuanya keluaran dari Asia. Dalam dunia crypto yang dikatakan sebagai kewangan masa depan (future currency) juga bermula di Asia (Jepun). Sehingga kini China mempunyai pengaruh besar dalam menentukan nilai matawang digital. Semua ini membuktikan bahawa Asia memiliki teknologi yang terbaik dan tidak perlu bergantung pada pihak lain.

4. Bahan mentah yang banyak

Kelebihan yang dimiliki oleh Asia juga adalah bahan mentah . Segala bahan yang diperlukan dalam industri kini dimiliki oleh Asia seperti petroleum, gas, bijih besi, bijih timah, getah ,uranium dan lain-lain. Begitu juga dengan produk pertanian dan makanan yang mampu dihasilkan oleh negara-negara Asia tanpa perlu bergantung kepada negara Barat. Sejarah menunjukkan bahawa antara sebab kedatangan penjajah ke timur adalah untuk mendapatkan bahan mentah yang diperlukan oleh industri di Eropah. (Shamsul Amri Baharudin, 2012)

5. Slogan Asia for Asian (A4A) perlu diperkasakan

Slogan ini sepatutnya menjadi slogan keramat bagi membangkitkan semangat setiakawan dalam kalangan masyarakat Asia. Sekiranya slogan ini dapat dihayati oleh seluruh warga Asia maka ia mampu membagkitkan kekuatan Asia bagi mengimbangi kuasa Barat. Kekuatan Asia sekaligus memberi kekuatan kepada Islam kerana umat Islam menjadi tulang belakang kepada kebangkitan Asia. Pengaruh Islam kini bukan sahaja diterima oleh masyarakat Asia bahkan juga di dunia. Sejarah menunjukkan bahawa slogan konsep ummah yang dibawa oleh Rasulullah di awal hijrah telah memberi impak yang besar terhadap masyarakat Madinah. Begitu juga pengenalan gelaran Ansor dan Muhajirin berjaya menyatukan masyarakat Islam di Madinah.

Kejatuhan Empayar Uthmaniyyah dan perpecahan masyarakat Arab juga adalah hasil dari slogan yang dicanangkan oleh kuasa penjajahan pada masa itu “nation state”. Bahananya masih berlarutan hingga kini. Tidak salah jika kita gunakan

strategi yang sama bagi memperkasakan Asia dan dalam masa yang sama Islam menjadi semakin kukuh..

6. Kolaborasi antara Asia dengan negara umat Islam

Asia juga akan bertambah kuat dengan mewujudkan kerjasama dengan negara umat Islam di seluruh dunia. Kerjasama dengan Negara-negara di Afrika juga boleh dilakukan bagi mengukuhkan ekonomi dan kerjasama bagi kepentingan kedua belah pihak. Begitu juga kerjasama dengan Turki yang melonjak kedudukan Negara G20 dalam ekonomi dunia. Ranking dalam EU menunjukkan Turki berada pada kedudukan keenam kuasa ekonomi Eropah. Ini semua merupakan potensi besar bagi Asia mewujudkan rangkaian kerjasama bagi kepentingan semua pihak.

Penutup

Sejarah jatuh bangun tamadun Islam perlu dikaji secara holistik oleh semua pihak terutamanya umat Islam kini. Islam muncul ditengah –tengah masyarakat yang hidup dalam suasana yang tidak bersistem (jahiliyah) akhir berjaya menjadi satu umat yang gemilang setelah menerima Islam. Islam juga telah terbukti merubah masyarakat Eropah dengan membina satu tamadun yang sangat tinggi setelah berada selama hampir 800 tahun. Daerah yang menerima Islam akan maju berbanding dengan daerah lain yang masih hidup sengsara dalam kemunduran zaman “dark ages” yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Begitu juga rantau Asia Tenggara, atau Nusantara dan dikenali juga dengan kepulauan Melayu yang hanya menjadi masyhur dan terkenal setelah kedatangan Islam. Nusantara sudah lama muncul, namun tidaklah terkenal, sehinggalah penduduknya menerima dan mengamalkan ajaran Islam secara syumul.

Semua ini membuktikan kepada kita bahawa Islamlah sebenarnya yang menjamin kemajuan dan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Tanpa Islam, manusia akan hilang arah tujuan. Bukan itu saja, bahkan kehidupan masyarakat dan negara akan menjadi semakin buntu dan dibelenggu dengan berbagai masalah.yang tiada kesudahan.

Senarai Rujukan

Abu Ahmad Muawiyah, 2012. Wasiat Agung 4 Khalifah. Pattani:B in Halabi Press

Ann Wan Seng, 2007. Rahsia Kegemilangan Islam di China. Shah Alam: Angkatan Edaran.Ent.

Ann Wan Seng, 2011. Biar Orang Cina Pimpin Islam. Petaling Jaya: Kemilau Publika

Azam Hamzah dan Zulekha Yusoff, 1990. Tamadun Islam: Konsep dan Pencapaiannya. Shah Alam: Pustaka Hizbi.

Azizan Baharudin, 1986. Pengenalan Tamadun Islam di Andalus. Kuantan : Percetakan Kuantan Timur

C.E Bosworth et.al,1995. The Encyclopaedia of Islam (New Edition). Netherland: E.J. Brill, Leiden

Tan Ta Sen, 2005. *Cheng Ho And Malacca*. Melaka: Cheng Ho Cultural Museum.

Fairuzah Hj. Basri et.al, 2008. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Fu Chunjiang, 2010. *The Great Explorer Cheng Ho*. Singapore: Asiapac Books

Ibn Khaldun, 1993. *Muqaddimah (terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Muhammad Abdullah al-Khatib, 2001. *Risalah Taalim*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar

Haron Din (Dato, Dr), 2007. Islam Ibadah Pembina Tamadun Manusia. Kuala Lumpur: PTS Millenia

Ong Hean Tatt, Ph.D , 2008. Global Strategies of Cheng Ho’s Seven Voyages. Subang Jaya : Vinlin Press Sdn. Bhd.

Hum Sin Hoon, 2012. Zheng He’s Art of Collaboration. Singapore: ISEAS Publishing

Mashitah dan Adibah Sulaiman, 2016. Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Bandar Baru Nilai: USIM

Sohair Abdul Muneim Sery, dalam Wan Kamal Mujani 2002. Islam di India.

Wan Kamal Mujani (editor), 2002. Minoriti Muslim, Cabaran dan Harapan Menjelang Abad 21. Bangi : Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Ahmad Baharudin Abdullah, 2004. Bidang Kejuruteraan Islam, Persepsi dan Sumbangan. Kuala Lumpur: PTS Publication.

Azhar Abdul Rahman et.al. Memahami Kerangka Islam. Shah Alam : UiTM Press

Zhou Weimin dan Tang Ling Ling, 2011. A history of Sino-Malaysian Interaction. Kuala Lumpur: Percetakan Avanco

Robert Lawrence Kuhn, 2010. How China’s Leaders Think. Singapore: Markuno print Media

Shamsol Amri Baharudin (editorial), 2012. Modul Hubungan Etnik (edisi kedua). Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.